

14/07/2002

Artis juga ulat buku

Izza Safinaz Ibrhaim

LANGKAH Perpustakaan Negara memulakan kempen membaca yang turut disokong oleh artis tempatan adalah antara projek mulia untuk memupuk minat membaca orang ramai. Membaca bukan sekadar menyelak helaian novel tetapi apa saja bahan bacaan termasuk majalah, akhbar, melayari Internet atau apa saja bahan bercetak. Bintang Popular bertanyakan beberapa selebriti tanah air yang menjadikan membaca satu amalan dan bahan bacaan kegemaran mereka. Pelbagai bahan bacaan menjadi teman artis kita. Antaranya buku biografi tokoh terkenal, himpunan puisi, majalah dan motivasi menjadi pilihan mereka. IZZA SAFINAZ IBRAHIM sempat berbual dengan Sharifah Aini, Ezad Exist, Rosyam Nor, Siti Nurhaliza dan Jeslina Hashim untuk berkongsi hobi masa lapang mereka.

Buku apa yang sedang dibaca sekarang?

Sharifah Aini: Baru nak habis baca Ghandi yang diterjemahkan oleh Mahadev Desai. Sebelum ini saya baca Lee Kuan Yew.

Ezad: Saya kurang membaca novel tapi saya suka baca bahan sejarah. Selalunya biografi yang ditulis oleh ahli politik.

Rosyam: Sekarang saya tidak membaca sebarang buku kerana sedang meneliti tiga skrip. Tapi saya akan pastikan saya membaca akhbar setiap hari supaya peka dengan keadaan semasa.

Jeslina: Saya sedang baca buku falsafah berjudul History of Philosophy.

Siti: Tak ada yang khusus, tapi kebanyakannya majalah untuk ketahui perkembangan muzik selain akhbar harian. Siti ada juga baca buku puisi lama sebagai bahan rujukan untuk tulis lirik.

Buku kegemaran hingga kini masih ingat ceritanya?

Sharifah Aini: Banyak tapi saya paling ingat adalah The Seduction of Hillary Rodham by David Brock. Jalan cerita paling ingat sekali adalah buku berjudul Justice oleh Dominick Dunne yang menceritakan kisah benar jenayah yang membabitkan seorang gadis yang dibunuh dan pembunuhnya dibebaskan selepas dihadapkan ke mahkamah.

Ezad: Sebuah buku lama tahun 1984 oleh Dr Mahathir Mohammad berjudul Menghadapi Cabaran. Saya masih baca lagi. Saya dapat dari kawan. Saya juga baca puisi pilihan oleh Usman Awang.

Rosyam: Imam oleh Abdullah Hussain.

Jeslina: Buku berjudul Do They Hear You When You Cry, mengenai seorang gadis yang lari dari Afrika kerana dipaksa berkahwin dengan orang yang lebih tua oleh bapanya.

Siti: Buku misteri, kisah benar dan novel. Dulu baca juga novel remaja karya Ahadiat Akashah apabila kawan pun baca buku itu.

Jenis bahan bacaan. Buku, majalah, akhbar, Internet.

Sharifah Aini: Saya baca apa saja termasuklah majalah berkenaan hiasan dalaman, gardening, landscaping, gaya hidup dan fesyen supaya peka dengan trend semasa.

Ezad: Buku dan majalah hiburan sebab saya tahu hal hiburan. Akhbar wajib tetapi saya jarang melayari Internet.

Rosyam: Tak kisah sangat jenis bahan bacaan tetapi jika ada kawan cadangkan naskhah tu bagus saya akan membacanya.

Jeslina: Buku.

Siti: Tak khusus, terpulang. Kalau ke kedai buku, Siti borong beberapa majalah dan buku yang menarik.

Waktu dan tempat paling sesuai untuk membaca.

Sharifah Aini: Biasanya saya baca waktu tengah hari di pejabat saya dan

selalunya malam sebelum tidur yang boleh berlarutan hingga jam 4 pagi. Saya juga baca buku agama pada masa-masa tertentu. Saya memang ulat buku!

Ezad: Paling suka membaca bila bersendirian, sunyi. Kalau bising tak boleh beri perhatian. Masa terbaik adalah sebelum tidur.

Rosyam: Selalu kat rumah waktu malam bila semuanya tenang dan tiada gangguan.

Jeslina: Di rumah lepas habis kerja atau lepas bangun tidur sebab nak sambung baca.

Siti: Selalunya dalam perjalanan ke sesuatu tempat terutama ketika menaiki pesawat Siti akan pastikan membeli atau membaca bahan bacaan. Kadang kala baca juga ketika buat show atau penggambaran kerana ada masanya terpaksa menunggu lama dan masa itulah Siti gunakan untuk membaca.

Penulis kegemaran.

Sharifah Aini: Danielle Steele, Stephen King dan Jackie Collins.

Ezad: Kalau ikutkan, kegemaran susah nak cakap. Selalu kawan yang cadangkan.

Rosyam: Tak ada.

Jeslina: Tak ada. Saya baca berdasarkan ceritanya.

Siti: Allahyarham Usman Awang. Dalam simpanan ada karya Raja Ali Haji, ia adalah buku puisi Islam pemberian peminat.

Berapa lama baca novel?

Sharifah Aini: Novel adalah bahan bacaan ringan bagi saya jadi saya mengambil masa dua ke tiga hari. Jika ia buku seperti biografi atau kisah benar saya ambil masa enam ke tujuh hari untuk menghabiskannya.

Ezad: Saya kurang minat novel. Saya lebih kepada bahan yang disokong dengan bahan visual seperti gambar.

Rosyam: Terpulang. Kalau tak ada masa boleh berlanjutan hingga dua bulan. Jika ditinggalkan terlalu lama saya terpaksa baca semula.

Jeslina: Selalunya satu bulan. Tengoklah kalau tak sibuk dan cerita bagus lagi cepat habis.

Siti: Sekarang susah nak membaca novel sebab sibuk. Kalau nak baca haruslah beri tumpuan. Siti banyak baca cerita yang ringkas.

Adakah bahan bacaan anda dibeli, dipinjam atau dikongsi?

Sharifah Aini: Saya beli kerana ia adalah satu pelaburan. Saya akui mengeluarkan belanja yang banyak untuk membeli buku tetapi ia amat berbaloi dan kekal sepanjang hayat. Selalunya saya kirim dari rakan di Amerika.

Ezad: Ada yang beli, ada yang pinjam dan ada yang tukar-tukar. Ada kalanya susah nak dapatkan tapi saya ada kawan yang mempunyai koleksi karya lama.

Rosyam: Kebanyakan beli. Ada orang berikan.

Jeslina: Selalunya beli, nanti bila ada rumah sendiri nak buat library. Memanglah mahal sikit, satu buku berharga dalam RM35 tetapi berbaloi.

Siti: Kebanyakan majalah beli, di rumah dah penuh. Nak buang sayang, suka juga tengok majalah fesyen, kecantikan untuk panduan. Ada juga buku pemberian peminat dan saya menyimpannya dengan baik.

Jenis karya pilihan - fiksyen, ilmiah, hiburan, motivasi, kembara/pelancongan, alam sekitar atau biografi?

Sharifah Aini: Saya tidak begitu meminati fiksyen, lebih kepada kisah realiti.

Ezad: Selalunya saya tertarik dengan buku motivasi atau tulisan kejayaan seseorang tokoh untuk dijadikan pedoman. Seronok apabila dapat tahu fikiran dan pengalaman orang berjaya.

Rosyam: Sesuatu bahan tulisan yang menarik tak kira apa saja. Jika dua atau tiga perenggan pertamanya berjaya "mengikat" saya, saya akan baca selanjutnya hingga habis.

Jeslina: Bukan fiksyen.

Siti: Semua Siti suka baca. Lebih menarik minat hiburan dan berbentuk ilmiah, kisah misteri dan kisah Nabi.

Adakah anda memerlukan makanan/minuman/muzik untuk mengiringi anda membaca?

Sharifah Aini: Saya mendengar muzik klasikal ketika membaca waktu malam. Terpulang juga pada mood ketika membaca, jika novel romantik saya iringi dengan petikan piano.

Ezad: Suasana haruslah sunyi dengan secawan kopi serta cermin mata saya.

Rosyam: Biasalah minum sambil membaca.

Jeslina: Tak perlu. Suasana haruslah senyap sunyi. Ada kalanya tak makan pun tak apa sebab terlalu asyik membaca.

Siti: Adalah snek ringan ketika membaca. Tak amalkan makan ketika membaca. Kalau baca menarik beri tumpuan sepenuhnya. Kalau Siti sedang berkemas pun, kalau terjumpa sesuatu bahan yang menarik untuk dibaca, Siti terus baca dan berhenti mengemas.

Pernahkah simpan keinginan untuk menulis satu hari nanti? Karya apa?

Sharifah Aini: Ya ada, tak tahulah bila mungkin beberapa tahun lagi. Saya mahu menghasilkan biografi saya sendiri. Kini sedang kumpulkan bahan tetapi belum ada masa untuk menulis lagi.

Ezad: Saya ingin menulis, bukan sekarang selepas melalui pengalaman.

Rosyam: Ada terlintas untuk menulis, tapi saya ni malas menulis. Kalau terlaksana mungkin novel kisah masyarakat.

Jeslina: Oh tentu sekali. Sebuah autobiografi.

Siti: Ada juga angan-angan menulis kisah hidup sendiri. Cuma waktu tak banyak. Siti pernah buat ruangan Lenggok Siti dan itu adalah sebagai permulaan. Insya-Allah, satu hari nanti.